

Usahawan EKS Di Melaka Mampu Transformasi Melaka Negeri Maju Berpendapatan Tinggi 2020
Bernama
8 Mac, 2012

MELAKA, 8 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka yakin golongan usahawan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) mampu memainkan peranan mentransformasikan negeri itu menjadi negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi Negeri Datuk Abdul Ghafaar Atan berkata sehingga 31 Dis 2011, terdapat 19,600 syarikat dan usahawan EKS di Melaka.

"EKS mewakili 99.2 peratus daripada semua perniagaan di Malaysia dan menyumbang 56.4 peratus kepada jumlah guna tenaga di negara ini.

"Ini merupakan komponen penting bagi ekonomi negara dan berpotensi sebagai jentera utama pertumbuhan dan inovasi," katanya menjawab soalan Datuk Ab Rahaman Ab Karim (BN-Pantai Kundor) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri, di sini Khamis.

Beliau berkata usahawan di Melaka dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kini berjumlah 19,623 syarikat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650989>